MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**YB. Dr Mansor bin Abd Rahman [SIK]**
TARIKH	:	**8.04.2015 (Rabu)**
NO. SOALAN	:	**64**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan dengan terperinci apakah sebarang langkah yang diambil oleh Kementerian dalam mentransformasikan pekebun-pekebun kecil getah dalam usaha meningkatkan pendapatan mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian ini melalui RISDA telah mengambil beberapa langkah untuk mentransformasikan pekebun-pekebun kecil getah dalam usaha meningkatkan pendapatan mereka melalui program dan aktiviti seperti berikut:

1. **Amalan Pertanian Baik (GAP)**

   Memberikan tunjuk ajar dan bimbingan menyeluruh secara berterusan bagi melaksanakan peningkatan produktiviti kebun melalui 4 GAP iaitu:

   GAP 1 – Penanaman dan penyelenggaraan
   GAP 2 – Pembajaan
   GAP 3 – Penggunaan bahan rangsangan
   GAP 4 – Penorehan dan penuaian

Perlaksanaan GAP diperkukuhkan melalui gerakan dan kempen seperti Gerakan Membaja, Kempen Penggunaan Bahan Rangsangan dan Kempen Menoreh yang dilaksanakan dari peringkat Daerah sehingga ke peringkat Nasional. Kempen dilaksanakan dengan sasaran penambahan hari menoreh dari 12 hari kepada 13 hari sebulan, meningkatkan produktiviti dan penggunaan teknologi serta mengurangkan penggunaan tenaga buruh asing.

2. Sistem Torehan Kekerapan Rendah (LITS)

Menggalakkan pekebun kecil mengamalkan sistem torehan LITS. Sistem ini dapat meningkatkan bilangan task torehan dan seterusnya meningkatkan produktiviti dan pendapatan pekebun kecil.

3. **Pembangunan Keusahawanan**

Mendorong pekebun kecil untuk menceburi bidang keusahawanan melalui Program Pembangunan Keusahawanan bagi melahirkan usahawan pekebun kecil. Skop program ini adalah dalam pembangunan modal insan, pembangunan dan pemasaran produk. Komponen program merangkumi aspek usahawan, produk, *outlet*, promosi dan produk daun getah.

4. **Pembangunan Infrastruktur Pemasaran (PIP)**

Menggalakkan pekebun kecil untuk membuat jualan di Depo Pengumpulan Skrap dan Pusat Timbang dan Stor (PTS) yang telah dibina oleh RISDA. Ini bagi membolehkan pekebun kecil memperoleh harga ladang yang lebih tinggi melalui sistem jualan berkelompok secara tender.